

29/07/2001

Umat Islam wajar contohi masyarakat China

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan umat Islam di negara ini menimba ilmu dan ketamadunan tinggi yang dimiliki masyarakat di China untuk menjadikan bangsa dan negara maju.

Perdana Menteri berkata, bagi umat Islam, seruan supaya menimba ilmu sampai negara China bukannya asing kerana ia dituntut oleh Rasulullah.

"Malangnya, tidak banyak orang Islam mengikuti nasihat Rasulullah dan tidak ramai pergi ke China untuk menuntut ilmu.

"Saya yakin jika umat Islam menurut perintah Rasulullah, mereka akan menjadi lebih maju berbanding sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Pameran 'Enam Abad Kesenian Islam di China' di Muzium Kesenian Islam Malaysia, di sini semalam.

Dr Mahathir berkata, masyarakat Eropah sebaliknya berlumba-lumba ke negara China kerana menyedari ada bidang dan ciptaan di China yang boleh dipelajari dan dimajukan.

Sambil memberi contoh bagaimana masyarakat China mencipta bahan letupan sehingga menarik perhatian orang Eropah mempelajari dan membangunkannya menjadi senjata api dan roket.

"Walaupun masyarakat China pada masa itu menggunakan bahan letupan bukan untuk menghancurkan manusia, tetapi mungkin membuat bising supaya mengusir atau menakutkan hantu atau naga.

"Orang Eropah sudah menyaksikannya sebagai satu potensi. Mereka pergi ke China menimba kemahiran itu dan hari ini tidak hairanlah bahan itu kita lihat roket sampai ke bulan, planet dan bintang," katanya.

Katanya, orang Eropah juga mampu menghasilkan kertas yang sebenarnya ciptaan masyarakat China.

Beliau berkata, sejak zaman Rasulullah, tamadun China dalam bidang sains dan kesenian mencapai tahap yang digeruni pihak lain.

(END)